

Ruj. : AKKM : 2/5/33 Jld. 2 ( 55 )

Tarikh : 21 Disember 2018

Setiausaha

Koperasi Ahli ANGKASA Dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PERSIDANGAN NEGERI ANGKASA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2019**

Dengan hormatnya dimaklumkan Persidangan Negeri ANGKASA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019 akan diadakan pada hari **Ahad, 24 Mac 2019, jam 9.30 pagi bertempat di Premieria Hotel Kuala Lumpur, Menara MARA,232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

2. Agenda dan Minit Persidangan lalu serta laporan-laporan lain akan diedarkan berasingan.

3. Dalam Persidangan ini, mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 45 (1), satu pertiga daripada anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri (JPAN) termasuk Pengerusi JPAN hendaklah mengosongkan keanggotaannya dalam JPAN pada setiap kali Persidangan Negeri dan boleh dicalonkan semula. Anggota JPAN yang gugur mengikut giliran pada Persidangan ini adalah seperti berikut:-

<b><u>Bil.</u></b>	<b><u>Nama</u></b>	<b><u>Wakil Koperasi</u></b>
i.	Tn. Hj. M. Nasir Ramli	Kop. Usaha Maju Kuala Lumpur Bhd.
ii.	Pn. Sariah Md. Dom	Kop. Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bhd.
iii.	En. Mustapha A. Jalil	Kop. Angkatan Tentera Malaysia Bhd.
iv.	En. Mohamad Razman Datuk Seri Rahim	Kop. Pengguna Motor Malaysia Bhd.

4. Pemilihan untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) Ke-34 akan dibuat di Persidangan Negeri. Dua (2) orang calon daripada setiap Persidangan Negeri akan dipilih untuk menjadi calon Jawatankuasa Menentukan Draf Minit PKTA Ke-34. Pemilihan Jawatankuasa akan dibuat di PKTA Ke-34 pada bulan Jun 2019 nanti.

5. Pemilihan untuk tiga (3) orang Jurucakap Negeri akan dipilih dalam Persidangan Negeri untuk menjadi Jurucakap Negeri di PKTA Ke-34 pada bulan Jun 2019 nanti.



6. Bagi tujuan pemilihan untuk menjadi anggota JPAN, calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit PKTA dan Jurucakap Negeri di PKTA, koperasi ahli yang ingin mencalonkan wakil perlu mengisi Borang Pencalonan (CALON/PNWP/2019) dan **dikembalikan ke pejabat Setiausaha Eksekutif ANGKASA Pusat selewat-lewatnya pada hari Jumaat, 22 Februari 2019 jam 5.00 petang. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut akan dibatalkan pencalonannya.** Maklumat lanjut mengenai pencalonan adalah seperti dalam kertas keterangan yang disertakan. Senarai nama calon yang layak bertanding akan diedarkan bersekali dengan laporan seperti dalam perkara 2 di atas.

7. Semua koperasi Ahli ANGKASA dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhak menghantar wakil mengikut UUK 46. Borang Perwakilan (PERWAKILAN/PNWP/2019) **perlu diisi dalam dua salinan.** Satu salinan perlu dikembalikan **ke pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** seperti alamat yang dinyatakan **selewat-lewatnya pada hari Ahad, 17 Mac 2019 jam 5.00 petang. Borang Perwakilan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut tidak layak didaftarkan.** Satu salinan lagi hendaklah dibawa bersama pada masa pendaftaran.

8. Maklumat lanjut mengenai Persidangan Negeri 2019 seperti dalam kertas keterangan yang disertakan.

Sekian, terima kasih.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,



**MOHAMMAD ZAMRI HAJI YAACOB, AMK.**  
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

: Setiausaha  
Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Lampiran.

**PERSIDANGAN NEGERI ANGKASA  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2019**

**1. PENCALONAN**

**1.1 KELAYAKAN CALON**

- i. Koperasi calon itu sendiri telah mengadakan mesyuarat Agung tahunan dalam masa dua puluh empat bulan sebelum tarikh Persidangan Negeri.
- ii. Koperasi calon itu hendaklah menjadi anggota ANGKASA bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun pada tarikh Persidangan Negeri.
- iii. Calon itu sendiri telah menjadi anggota koperasi ahli bagi tempoh tidak kurang dua tahun pada tarikh Persidangan Negeri.
- iv. Calon itu sendiri telah menjadi mana-mana anggota Lembaga koperasi ahli bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun sama ada secara berterusan atau tidak pada tarikh Persidangan Negeri.
- v. Hanya calon yang menjadi perwakilan dan hadir dalam Persidangan Negeri layak untuk menjadi calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan dan Jurucakap Negeri di Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA. Calon dalam pemilihan calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan di Persidangan Negeri hanya disifatkan berjaya sebagai calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan bagi Negeri itu jika dia menjadi perwakilan di Persidangan Kebangsaan.
- vi. Calon tidak layak menjadi calon bagi mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Perhubungan Negeri jika pada masa yang sama koperasi ahli itu mempunyai perwakilannya dalam keanggotaan Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu.
- vii. Hanya seorang calon daripada sebuah koperasi layak menjadi calon bagi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
- viii. Setiap calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan dan Jurucakap Negeri di Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA hendaklah mendapat pencalonan daripada tidak kurang dua buah koperasi ahli.
- ix. Calon hendaklah menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan.
- x. Borang pencalonan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Eksekutif tidak kurang daripada tiga puluh hari daripada tarikh Persidangan Negeri itu.
- xi. Calon bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Laporan Kredit lengkap dan Laporan Insolvensi Malaysia daripada perkhidmatan SPeKAR perlu disertakan bersama Borang Pencalonan. (Calon perlu memberi kebenaran kepada ANGKASA untuk mendapatkan maklumat ini dengan bayaran RM20.70 – Bayaran boleh dibuat melalui kiriman wang / money order / cek atas nama ANGKASA)

- xii. Segala perbelanjaan calon ke Persidangan Negeri adalah atas tanggungan sendiri / koperasi.

## **1.2 PENGESAHAN PENCALONAN OLEH KOPERASI**

- i. Pencalonan bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Persidangan Kebangsaan dan Jurucakap Negeri di Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga koperasi ahli, sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas.
- ii. Pengerusi dan Setiausaha Koperasi Lembaga koperasi ahli itu hendaklah memperakukan yang pencalonan itu telah diputuskan oleh Lembaga koperasi ahli dalam borang pencalonan yang disediakan.

## **1.3 JAWATANKUASA KESAHIHAN WAKIL DAN CALON**

- i. Kelayakan dan kesahihan seseorang calon akan disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon.

## **1.4 TARIKH TUTUP PENCALONAN**

Sila pastikan borang pencalonan **dihantar ke ANGKASA Pusat selewat-lewatnya pada hari Jumaat, 22 Februari 2019 jam 5.00 petang. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut akan dibatalkan pencalonannya. Koperasi yang menghantar borang pencalonan adalah bertanggungjawab untuk memastikan borang pencalonan tersebut diterima oleh Setiausaha Eksekutif ANGKASA.**

## **2. PERWAKILAN**

### **2.1 KELAYAKAN MENYERTAI PERSIDANGAN NEGERI**

'Undang-Undang Kecil (UUK) 46. Persidangan Negeri hendaklah diadakan sekali pada tiap-tiap tahun dan setiap koperasi ahli dalam Negeri berkenaan berhak menghantar perwakilan yang berikut:

- (a) Hanya perwakilan yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Persidangan Negeri:
  - (i) Perwakilan hendaklah dari kalangan anggota Lembaga koperasi ahli;
  - (ii) Perwakilan hendaklah dipilih dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi ahli sama ada mesyuarat biasa atau mesyuarat khas; dan
  - (iii) Perwakilan tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan kepadanya untuk menyertai Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA;

### **2.2 BILANGAN WAKIL**

'UUK 46 (b) Bilangan perwakilan daripada sesuatu koperasi ahli yang boleh menyertai Persidangan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi asas, tidak melebihi-

- (aa) Seorang bagi setiap koperasi itu yang mempunyai anggota tidak melebihi sepuluh ribu orang; dan
  - (bb) Dua orang bagi setiap koperasi itu yang mempunyai anggota melebihi sepuluh ribu orang;
  - (ii) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi menengah, tidak melebihi dua orang bagi setiap koperasi itu; dan
  - (iii) Bagi koperasi ahli yang merupakan koperasi atasan, tidak melebihi tiga orang bagi setiap koperasi itu;
- 'UUK 46 (c) Sesuatu koperasi ahli hanya boleh menghantar perwakilan ke satu Persidangan Negeri sahaja, iaitu di Negeri di mana koperasi ahli itu berada. Bagi koperasi ahli yang kawasan operasinya lebih daripada satu Negeri ataupun seluruh Malaysia, maka Negerinya adalah berdasarkan kepada Negeri di mana koperasi ahli itu didaftarkan;
- 'UUK 46 (d) Seseorang anggota koperasi ahli yang dipilih sebagai perwakilan bagi sesuatu Negeri hanya boleh menjadi perwakilan bagi Negeri itu sahaja dan bukan Negeri lain dan hanya boleh menjadi anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri bagi Negeri itu sahaja. Untuk mengelakkan was-was, seseorang perwakilan hanya boleh menyertai satu Persidangan Negeri sahaja dalam tahun diadakan Persidangan Negeri dan jika perwakilan itu juga adalah anggota koperasi ahli bagi Negeri lain dan dipilih menjadi perwakilan bagi Persidangan Negeri itu, dia hendaklah memilih untuk menyertai hanya satu Persidangan Negeri sahaja yang ingin disertainya dalam tahun itu dan dia tidak boleh menyertai lebih dari satu Persidangan Negeri dan hanya boleh menjadi anggota bagi satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri sahaja dan tidak boleh menjadi anggota bagi lebih daripada satu Jawatankuasa Perhubungan Negeri dalam tahun itu;
- 'UUK 46 (e) Semua anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang lama tetapi tidak mendapat mandat baru untuk menjadi perwakilan koperasi ahli masing-masing hendaklah menghadiri Persidangan Negeri bagi tempoh mandat perwakilannya yang lama itu tetapi tidak menjadi calon untuk pemilihan anggota Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang baru dan dia boleh mengundi;

### **2.3 SEKATAN KELAYAKAN PENYERTAAN SEBAGAI PERWAKILAN DAN KEHADIRAN PEMERHATI BAGI KOPERASI AHLI DI PERSIDANGAN KEBANGSAAN, PERSIDANGAN NEGERI DAN LAIN-LAIN**

- 'UUK 19 Mana-mana koperasi ahli yang tidak mengadakan mesyuarat agung tahunannya dalam masa dua puluh empat bulan sebelum tarikh sesuatu Persidangan Kebangsaan Tahunan untuk sesuatu tahun tidak berhak menyertai melalui perwakilannya atau menghadiri melalui pemerhatinya, mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat ANGKASA untuk tahun itu.

## 2.4 TARIKH TUTUP PENAMAAN WAKIL

Sila penuhkan dua salinan Borang Perwakilan yang terlampir dan satu salinan perlu dikembalikan ke **pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** seperti alamat yang dinyatakan **selewat-lewatnya pada hari Ahad, 17 Mac 2019 jam 5.00 petang. Borang Perwakilan yang diterima lewat daripada jangkamasa tersebut tidak layak didaftarkan.** Satu salinan lagi hendaklah dibawa bersama pada masa pendaftaran.

## 3. ATURCARA PERSIDANGAN NEGERI

8:00 pagi - 9:30 pagi	PENDAFTARAN (minum pagi disediakan) <ul style="list-style-type: none"><li>- Ketibaan Presiden dan Jemputan</li><li>- Nyayian Lagu Negaraku dan Lagu Semangat Koperasi</li></ul>
9:30 pagi	PERSIDANGAN NEGERI BERMULA <ul style="list-style-type: none"><li>- Bacaan surah Al-Quran</li></ul>
9:40 pagi	Doa
9:45 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>- Ucapan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri</li><li>- Ucapan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri</li></ul>
10:00 pagi	Penyampaian hadiah / cenderamata (jika ada)
10:15 pagi	Agenda Persidangan Negeri seterusnya sehingga selesai
1.00 petang	PERSIDANGAN TAMAT <ul style="list-style-type: none"><li>- Makan Tengah hari</li><li>- Bersurai</li></ul>

**Setiausaha Eksekutif**  
**21 Disember 2019**